

**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 23**  
**URUS NIAGA MENGGUNAKAN MATA WANG DIGITAL (MATA WANG KRIPTO/CRYPTOCURRENCY)**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang bersidang pada tarikh 25 Zulhijjah 1442H bersamaan 4 Ogos 2021M telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-117 sebagai Irsyad Hukum (panduan Hukum) mengenai keharusan Urus Niaga Menggunakan Mata Wang Digital (Mata Wang Kripto/Cryptocurrency). Keharusan menjalankan urus niaga menggunakan mata wang digital sama ada sebagai perantara pembayaran (*medium of payment*), pemindahan wang (*remittance*) dan aset simpanan sekiranya memenuhi parameter-parameter di bawah:

- i. Urus niaga melibatkan mata wang digital hendaklah dilakukan melalui platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja;
- ii. Pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai:
  - (a) Jenis, ciri-ciri utama dan risiko berkaitan mata wang digital;
  - (b) Perkara-perkara teknikal yang mencukupi mengenai bagaimana untuk memperoleh mata wang digital dan di mana ia perlu disimpan untuk memastikan keselamatannya;
  - (c) Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti; dan
  - (d) Undang-undang dan peraturan yang berkaitan mata wang digital.
- iii. Sebagaimana mata wang yang lain, mata wang digital hendaklah tidak digunakan sebagai bayaran kepada barangan, perkhidmatan dan aktiviti tidak patuh Syariah seperti pembelian dadah, pelacuran, perjudian dan pendanaan aktiviti keganasan serta penggubahan wang haram.

Tarikh : 29 Julai 2022

No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah

  
(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak